



**KENYATAAN SEBUT HARGA**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut

**NO. SEBUT HARGA :** JPS (SH) / PLSK / 26 / 2021

**TAJUK PROJEK :** KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN JALAN PERIMETER DI RIZAB KOLAM TAKUNGAN BANJIR NANYANG SERTA KERJA-KERJA LAIN YANG BERKAITAN

2. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai sebut harga ini hendaklah berdaftar dengan CIDB di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) di bawah bidang berikut :

Gred	Kategori	Pengkhususan
G1	CE	CE21 - Pembinaan Kejuruteraan Awam

3. Maklumat sebut harga, lokasi tapak dan video kawasan tapak serta dokumen sebutharga boleh dimuat turun dari laman web **Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** melalui pautan <http://state.water.gov.my/wpkl/> mulai dari **17 September 2021 (Jumaat)** sehingga **23 September 2021 (Khamis)**.
4. Hanya kontraktor yang berdaftar dengan CIDB di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan memenuhi kelayakan pengkhususan di atas sahaja boleh menyertai sebut harga ini.
5. Kontraktor **WAJIB** mengisi maklumat di dalam **Borang Saringan Wajib** melalui pautan di atas dan kontraktor yang memenuhi syarat pendaftaran sahaja yang layak untuk **memuat turun Dokumen Sebut Harga** dan menyertai Sebut Harga ini. Kegagalan Kontraktor untuk mengisi Borang Saringan Wajib dan menghantar dokumen Sebut Harga atau membuat salinan dokumen sebut harga yang diperolehi daripada pihak lain adalah **TIDAK LAYAK** menyertai Sebut Harga ini.
6. **Tiada bayaran** dikenakan bagi dokumen sebut harga ini.
7. Lawatan tapak **TIDAK DIWAJIBKAN**. Walaubagaimanapun kontraktor boleh melawat tapak dengan inisiatif sendiri dengan sentiasa mengambil perhatian dan mematuhi langkah-langkah pencegahan COVID-19 dan penjarakan sosial oleh KKM dan MKN.
8. Taklimat sebut harga boleh diperolehi secara atas talian melalui pautan <http://state.water.gov.my/wpkl/> mulai dari **17 September 2021 (Jumaat)** sehingga **23 September 2021 (Khamis)**.
9. Dokumen **sebut harga yang dimuat turun dan telah lengkap hendaklah dikembalikan** dalam bentuk **hardcopy**.
10. Sebut harga ini akan ditutup pada **23 September 2021 (Khamis)**. Dokumen sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga secara pandu lalu di Kawasan Tempat Letak Kereta, **Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jalan Sultan Salahuddin, 50626, Kuala Lumpur** bermula 10:30 pagi sehingga jam 12:00 tengahari pada hari tersebut.
11. **Sekira tempoh PKP 3.0 dilanjutkan**, Penyebutharga **boleh menghantar Dokumen Sebut Harga menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier** menggunakan alamat seperti di atas. Jika Sebut Harga menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, Penyebutharga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan seperti di atas **sebelum atau pada Tarikh Tutup Sebut Harga selewat-lewatnya pada pukul 12:00 tengahari**, sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

PERHATIAN : KONTRAKTOR ATAU WAKIL HENDAKLAH SENTIASA, MENGAMBIL PERHATIAN DAN MEMATUHI LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN COVID-19 DAN PENJARAKAN SOSIAL OLEH KKM DAN MKN SEMASA PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA KE JPS WPKL.

HAJI ZUL BIN MOHAMMAD  
..... Penarah Operasi .....

Nama Jabatan Pengairan dan Saliran  
Jabatan Pengairan dan Saliran  
Tarikh 9 September 2021

*(Handwritten signature)*